

Universiti Malaysia Sabah seru kakitangan tingkatkan integriti

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR

nikjasni.ub@gmail.com

18.03.2012 13

KOTA KINABALU: Kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) diseru agar membudayakan nilai integriti secara lebih menyeluruh kerana penerapan nilai itu tidak terhad dalam perkara tertentu sahaja.

Naib Canselornya, Brig Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon berkata kakitangan UMS perlu mencerminkan nilai integriti dalam semua tindakan mereka seperti aspek penampilan, sikap dan keputusan yang dibuat.

“Sebagai penjawat awam, kita adalah pemelihara kepentingan awam dan hakikat ini memerlukan kita memiliki integriti agar keyakinan rakyat tidak hilang.

“Langkah ini juga selaras dengan visi dan misi universiti yang memerlukan kakitangannya dinamik dan fleksibel serta mempunyai integriti yang tinggi,” katanya.

Tambahnya, kerajaan melalui Pelan Integriti Nasional (PIN) yang dilancarkan pada 2004 juga turut berusaha membentuk masyarakat yang kukuh ciri moral dan etika dengan komuniti yang utuh nilai keagamaan dan kerohanian.

“Justeru, setiap warga UMS perlu menjadi contoh kepada masyarakat apatahlagi dengan kedudukannya sebagai institusi pengajian tinggi,” katanya ketika berucap melancarkan Bulan Integriti UMS kali Ke-2, di Perpustakaan UMS, kelmarin.

Kamaruzaman berkata, elemen tadbir urus tinggi dan integriti terbaik penting bagi universiti itu melestarikan pencapaian mereka.

“Kerajaan telah memutuskan untuk memperkenal Petunjuk Tadbir Urus Terbaik Universiti (UGGI) bagi mengukur kesediaan autonomi dan UMS bukan sahaja mempunyai tadbir urus terbaik malah memiliki tahap integriti yang tinggi,” katanya.

Dalam pada itu, beliau menambah terdapat empat komponen utama diaudit bagi kesediaan autonomi iaitu Tadbir Urus Institusi, Kewangan, Pengurusan Sumber Manusia dan Tadbir Urus Akademik.

UMS, katanya, dipilih untuk diaudit bersama tiga lagi universiti bagi fasa kedua pemilihan untuk diberikan autonomi.

Usaha ini, selaras dengan Projek Agenda Kritis Tadbir Urus dalam Pelan Tindakan Pengajaran Tinggi Negara Fasa 2 (2011-2015)

mengenai pemberian autonomi kepada IPTA.

Katanya, faktor kejayaan kritis yang diperlukan selain komitmen pihak di semua peringkat adalah pematuhan prinsip asas oleh IPTA seperti yang ditetapkan kerajaan.

“IPTA juga mestilah mempunyai sistem tadbir urus yang baik dengan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) mempunyai tanggungjawab besar memastikan sumber universiti ditadbir dengan penuh integriti dan akauntabiliti.

“Selain itu, keupayaan mengurus dan menerima perubahan di peringkat IPTA, kementerian dan agensi pusat juga perlu diberi perhatian bagi membolehkan pelaksanaan autonomi berjalan lancar,” katanya.

Sementara itu, Pendaftar UMS merangkap Pengurus Penganjur, Mejar (K) Datuk Abdullah Mohd Said berkata, UMS bersetuju menjadikan Mac setiap tahun sebagai Bulan Integriti UMS.

“Kita harap melalui pelaksanaan program ini akan dapat mempertingkatkan pembudayaan integriti dalam kalangan kakitangan dan pelajar UMS seterusnya membentuk masyarakat yang mempunyai keutuhan peribadi,” katanya.

Sepanjang Bulan Integriti, UMS turut



KETUA Sekretariat Pencegahan Rasuah Malaysia UMS, Mohd Fandi Osman (kiri) menyerahkan cendera kenangan kepada Kamaruzaman dalam lawatan Naib Canselor UMS itu ke gerai pameran SPRM UMS kelmarin. Turut kelihatan Abdullah (dua kiri).

mengadakan pelbagai program termasuk pertandingan mencipta ‘tagline’, kuiz integriti,

menulis esei, pidato dan pameran oleh Sekretariat Pencegahan Rasuah UMS.

Meningkatkan keyakinan dan memperbaiki persepsi masyarakat Malaysia dan Antarabangsa ke atas Keberkesanan SPRM. Lanjutkan dan lanjutkan rasuah

ANDA BOLEH LANJUTKAN DAN LANJUTKAN RASUAH